

Analisis *Maqāṣid Syarī'ah* Terhadap Penentuan Fatwa Berkaitan Alkohol dalam Pemakanan di Malaysia

[Maqāṣid Syarī'ah Analysis of The Determination of Alcohol -Related Fatwa in Nutrition in Malaysia]

Nor Musfirah Mohamad (Corresponding author)

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600, Perlis, Malaysia, musfirah@unisiraj.edu.my

Basri Ibrahim

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600, Perlis, Malaysia, bashim67@unisiraj.edu.my

Fathullah Asni

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800, Pulau Pinang, Malaysia, fathullah@usm.my

Article
Progress:

Submission date:
07-05-2025
Accepted date:
20-06-2025

ABSTRACT

The maqāṣid syarī'ah has clearly been applied in various laws since the time of the Prophet Muhammad SAW, his companions and his followers, including matters of eating and drinking and consumption. Fatwas related to alcohol in food and beverages are decided by the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs of Malaysia (MJFMKI) and the State Fatwa Committee (JFN). However, there are several fatwas that are inconsistent and claims that are impractical. Therefore, this study aims to analyze the maqāṣid syarī'ah in determining fatwas related to alcohol in nutrition in Malaysia. This study uses a qualitative approach that involves document analysis methods and also interview methods. The data obtained were analyzed using inductive, deductive and comparative methods. The main findings of the study found that fatwa committees in Malaysia take into account the maqāṣid syarī'ah considerations in deciding fatwas related to alcohol in food and beverages even though the answers or fatwa decisions are brief without further explanation as in fatwa collections. The findings of the study show that the maqāṣid syarī'ah in determining fatwas related to alcohol are grouped into five principles, namely hifz al-nafs, hifz al-'aql, hifz al-din, hifz al-mal and hifz al-muruah. This study is significant for the fatwa institution so that it can improve the legal view and fatwas that are decided taking into account the maqāṣid syarī'ah. In addition, the implications of this study for universities, students, researchers and the community can provide an understanding of the maqāṣid syarī'ah applied in the process of issuing a fatwa or legal decision applied by the fatwa institution in Malaysia.

Keywords: *Maqāṣid syarī'ah, Determination of law, Fatwa Alcohol, Nutrition, Malaysia*

PENDAHULUAN

Fatwa merupakan suatu perkhabaran dan penjelasan mengenai hukum Allah SWT oleh mufti secara individu atau kolektif berdasarkan nas syarak dan hasil *istinbat* hukum sebagai jawapan kepada orang yang bertanyakan perkara-perkara yang kurang jelas dan belum ada ketentuannya daripada syarak (al-Zuhayli, 2007; Asni, 2021). Ketepatan sesuatu fatwa sangat bergantung kepada kaedah pendalilan yang diguna pakai dan selari dengan *Maqasid syari'ah*.

Mufti adalah mujtahid bererti seorang yang mampu melakukan *ijtihad* dan *istinbat* hukum. Kedua-dua terminologi ini secara umumnya adalah sama, namun berbeza dari sudut punca berlakunya fatwa dan *ijtihad* iaitu fatwa dikeluarkan untuk menjawab persoalan atau sesuatu masalah yang timbul, manakala *ijtihad* tidak terikat dengan syarat tersebut (Yusli et al., 2021; Asni et al., 2022). Fatwa yang diwartakan di setiap negeri Malaysia adalah mengikat orang Islam yang berada di negeri masing-masing dan terpakai bersama enakmen syariah bagi setiap negeri manakala fatwa yang diputuskan oleh MJFMKI diuruskan oleh JAKIM di peringkat Persekutuan adalah tidak diwartakan, bersifat pandangan hukum dan tidak mengikat dari segi undang-undang Malaysia.

Hukum berkaitan makanan adalah seperti hukum dalam bidang lain yang dilandaskan kepada dalil-dalil *qat`i* (disepakati) al-Quran, al-sunnah, *ijmak*, *qiyas* dan dalil-dalil lain yang tidak disepakati. Penetapannya perlu kepada penilaian *maqasid* yang menjadi matlamat pensyariaan bagi mendatangkan kebaikan dan menolak kemudharatan. Elemen pencapaian *maqasid syari'ah* memainkan peranan dalam pensyariaan dan penetapan status hukum terhadap makanan dan minuman. *Maqasid syari'ah* makanan halal adalah untuk memakan makanan halal dengan berpaksikan *daruriyyah al-khams* iaitu *hifz al-din* (menjaga agama), *hifz al-nafs* (menjaga jiwa), *hifz al-aql* (menjaga akal), *hifz al-nasl* (menjaga keturunan) dan *hifz al-mal* (menjaga harta benda) di samping mempertimbangkan tingkat keperluan manusia, sama ada *daruriyyat*, *hajiyyat* ataupun *tahsiniiyat* (Ramli et al., 2016; Takhim & Mashudi, 2018).

Pemakanan halal boleh dikategorikan sebagai *maslahah daruriyyah*. Secara umumnya merujuk kepada pemeliharaan nyawa dan tubuh badan, kesihatan fisiologi dan psikologi manusia, zuriat keturunan dan maruah, serta harta dan hak milik. Oleh itu, jelas *daruriyyah al-khams* merupakan tanggungjawab fardu kifayah dalam memelihara, menjaga dan mengurus diri (Tumiran et al., 2020). Aplikasi *maqasid syari'ah* dalam *ijtihad* Imam Syafi'e terhadap isu pemakanan halal dan metodologi pula tidaklah kaku, sesuai dan mampu diguna pakai dalam penetapan pelbagai hukum dalam industri semasa dan setempat dengan kaedah yang terarah

menjadikan hukum makanan halal tidak rigid serta mencapai *maqasid Syariah* terutama dalam pemeliharaan *daruriyyah al-khams* (Muda & Ahmad, 2016; Tuan Sidek, 2019).

Kajian ini bertujuan menganalisis penentuan fatwa berkaitan alkohol dalam pemakanan di Malaysia menurut perspektif *Maqasid syari'ah*. Ia signifikan memberi maklumat dan kefahaman kepada pengkaji-pengkaji lain secara khusus dan komuniti umumnya berkaitan isu ini. Lantas, dapat meningkatkan kepercayaan, kehormatan ke atas autoriti terhadap institusi fatwa di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan menganalisis *maqāsid syarī'ah* dalam penentuan fatwa berkaitan alkohol dalam pemakanan di Malaysia. Fatwa tersebut diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFMKI) dan Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN).

KAJIAN LITERATUR

Fatwa merupakan Penulisan dan kajian yang berkaitan *maqasid syari'ah* ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penulisan tentang *maqasid syari'ah* dan hubung kait dengan isu halal haram secara umum dan pengkajian berhubung kait di antara fatwa dan *maqasid syari'ah* yang boleh memberi input kepada kajian ini.

a) *Maqasid Syari'ah* Dan Hubung Kait Halal Haram Secara Umum

Sub topik pertama ialah kajian berkaitan *maqasid syari'ah* dan isu halal haram semasa. Tuan Sidek T. Muda dan Ridzwan Ahmad (2016) menyatakan wujudnya aplikasi *maqasid syari'ah* dalam ijihad Imam Syafi'e terhadap isu pemakanan halal dan kaedah tidaklah kaku bahkan mementingkan keseimbangan antara nas, akal dan *waqi'*. Artikel ini membantu memberi kefahaman kepada pengkaji berkaitan aplikasi *maqasid syari'ah* terhadap isu pemakanan halal. Ridzwan Ahmad (2018) menjelaskan bahawa ciri utama pengukuran berdasarkan *maqasid* ialah penekanan kepada pencapaian *maslahah* dan penolakan *mafsadah*.

Artikel tulisan oleh Takhim & Mashudi (2018) menjelaskan *maqasid Syariah* makanan halal adalah untuk memakan makanan halal dengan berpaksikan *daruriyyah al-khams* iaitu *hifz al-din* (menjaga agama), *hifz al-nafs* (menjaga jiwa), *hifz al-aql* (menjaga akal), *hifz al-nasl* (menjaga keturunan) dan *hifz al-mal* (menjaga harta benda). Sekain itu, mempertimbangkan tingkat keperluan manusia, sama ada *daruriyyat*, *hajiyyat* ataupun *tahsiniyyat*. Secara umumnya, *maqasid*

syariah makanan halal memberikan keselamatan, perangsang dalam membentuk insan yang sihat, taat, sabar dan bertakwa serta terhindar dari pelbagai penyakit, kesusahan, bala musibah, selamat di dunia dan akhirat. Artikel ini sangat berkait dengan tajuk kajian dan membantu memberi kefahaman yang jelas berkaitan *maqasid syari'ah* makanan halal. Aris et al. (2020) menyokong menjelaskan bahawa, makanan halal dan berkhasiat amat diperlukan oleh manusia bagi memenuhi *hifz al-nafs* dalam Islam.

Anuar Ramli et al. (2016) turut juga mengetengahkan konsep halalan toyyiba dalam industri halal dan perbincangan *maqasid syari'ah* berkaitan keperluan (*daruriyyat*), kehendak (*hajiyyat*), dan kesempurnaan (*tahsiniyyat* atau *kamaliyyat*). Namun tema artikel ini khusus kepada pengurusan keselamatan industri dalam kerangka *maqasid syari'ah*, ia berbeza dengan kajian pengkaji iaitu analisis *maqasid syari'ah* dalam fatwa-fatwa alkohol di Malaysia.

b) Kajian Berhubung Kait Di Antara Fatwa Dan *Maqasid Syari'ah*

Sub topik kedua ialah kajian berhubung kait di antara fatwa dan *maqasid syari'ah*. Ahmad Mursyidi Mustafa (2019) mendapati 31 keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFMKI) yang berkaitan dengan *Darurah* pada tahun 1970 sehingga 2015 menekankan aspek *maqasid syariah* terutama dalam *kulliyat al-khams* iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Ini mengaplikasikan *kulliyat al-khams* sesuai dengan isu yang berlaku bagi mengeluarkan hukum yang berkaitan *darurah*. Artikel ini membantu pengkaji memahami sudut elemen *maqasid syari'ah* dalam keputusan fatwa.

Kajian oleh Azri Bhari (2016) melalui tesisnya bertajuk '*Analisis Fatwa Zakat di Malaysia dari Perspektif Maqasid syariah*' *maqasid syari'ah* yang dipertimbangkan dalam fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan serta merumuskan para mufti dan jawatankuasa fatwa di Malaysia berusaha mengambil kira dan mencapai *maqasid syari'ah* dalam memutuskan fatwa-fatwa zakat dengan mempertimbangkan *maslahah* dan *mafsadah*. Manakala Noraini Bahari (2020) menulis yang bertajuk 'Pemakaian Elemen Maqasid Syariah dalam Institusi Fatwa di Malaysia' dan lebih terarah kepada perbincangan fatwa muamalat. Artikel ini menyimpulkan elemen *maqasid syari'ah* boleh menambah baik pandangan hukum dan fatwa yang diputuskan, bagi memenuhi keperluan masyarakat masa kini sesuai dengan prinsip *maqasid syari'ah* untuk melestarikan kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratan di dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun sesetengah fatwa diubah apabila terdapat maklumat yang baharu berdasarkan situasi semasa dan bukan sahaja kerana wujudnya elemen-elemen *maqasid syari'ah* tersebut. Kajian-kajian ini membantu pengkaji memahami pemakaian elemen *maqasid syari'ah* dalam

institusi fatwa Malaysia. Walau bagaimanapun, pengkaji akan mengkaji terma atau subjek yang berbeza iaitu menganalisis fatwa alkohol (etanol) dalam pemakanan menurut *maqasid syari`ah*.


Secara umumnya pendekatan dalam penentuan hukum fatwa terdiri daripada dua bentuk. Mahmood Zuhdi (2012) menjelaskan dalam tulisan bertajuk 'Ijtihad dan Fatwa Berorientasikan Maqasid: Satu Tinjauan Kritis' berkaitan dua jenis pendekatan yang berlaku dalam penentuan hukum fatwa yang iaitu pendekatan *maqasidi* dan *shakli*. Pendekatan "*shakli*" ialah proses menentukan hukum melalui format nas syarak diberi perhatian utama atau disebut juga sebagai hukum yang ditentukan bersifat formal. Manakala pendekatan "*maqasidi*" pula berbentuk cara sumber-sumber hukum itu perlu dianalisis atau ditafsirkan bagi memenuhi keperluan penentuan hukum dalam realiti yang ada. Pendekatan ini bukanlah asas kepada penentuan hukum, tetapi sebaliknya orientasi dalam memahami atau berurusan dengan asas berkenaan.

Setelah dibuat sorotan kajian, perbincangan berkaitan alkohol telah dilaksanakan oleh kajian-kajian lepas. Namun, jurang kajian yang dikenal pasti adalah kajian khusus analisis fatwa alkohol dalam pemakanan menurut perspektif *maqasid syari`ah* masih kurang ditonjolkan. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis penentuan fatwa alkohol dalam pemakanan menurut perspektif *maqasid syari`ah*. Analisis berdasarkan perspektif *maqasid syari`ah* dibuat kerana kedudukan ilmu ini yang memainkan peranan besar dalam penetapan hukum syarak semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam artikel ini adalah berbentuk kualitatif. Data-data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen yang merupakan kaedah mendapatkan maklumat yang relevan daripada bahan bercetak dalam bentuk dokumen seperti buku, artikel jurnal, laporan teknikal dan lain-lain. Data juga turut diperoleh melalui laman-laman web yang boleh dipertanggungjawabkan seperti laman portal jabatan mufti negeri, JAKIM dan lain-lain untuk menganalisis penentuan fatwa dan pandangan hukum berkaitan alkohol yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) dan Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) menurut *Maqasid syari`ah*. Data tersebut diambil daripada Koleksi Fatwa Berkaitan Alkohol Dalam Makanan dan lain-lain. Di samping itu, kaedah temu bual semi berstruktur turut dijalankan bersama tiga orang wakil pihak institusi fatwa terpilih dan seorang ahli akademik pakar bidang.

Setelah proses pengumpulan data dilakukan, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan melalui pendekatan kaedah induktif, deduktif dan komparatif dalam menganalisis data dan maklumat yang diperoleh. Rajah 1 menunjukkan rumusan metodologi bagi kajian ini.



Rajah 1: Rumusan Metodologi Kajian

Sumber: Olahan pengkaji, 2024

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian terhadap maklum balas responden berkaitan bagaimana dan justifikasi pendekatan *maqāṣid syarī'ah* yang diambil kira dalam penentuan fatwa-fatwa alkohol diringkaskan dan dijelaskan. Dapatan ini menjawab objektif kajian untuk menganalisis *maqāṣid syarī'ah* dalam penentuan Fatwa-Fatwa berkaitan alkohol. *Maqāṣid syarī'ah* diambil kira dalam penentuan fatwa alkohol dalam makanan dan minuman, wangi-wangian, ubat-ubatan. Berikut perincian lanjut mengenainya:

1. *Hifz al-Nafs*, iaitu memelihara nyawa dan keselamatan diri

Maqāṣid syarī'ah yang diambil kira dalam penentuan fatwa-fatwa alkohol adalah penjagaan nyawa dan keselamatan diri. Maklum balas responden R1 Dr. Faridah Ahmad selaku Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Kedah (JMKN) menyatakan *maqāṣid syarī'ah* yang diambil kira dalam penentuan fatwa alkohol adalah memelihara *al-nafs*. Ia diletak nombor satu dalam senarai *daruriyyat al-khams* kerana kesan pengambilan etanol berlebihan bukan merosak akal saja, tetapi tubuh badan terlebih dahulu.

Contohnya, ubat batuk yang mengandungi alkohol apabila diminum melebihi dos akan memberi kesan kepada anggota badan. Laluan alkohol masuk dalam tubuh melalui kerongkong,

paru-paru dan terus meresap dalam organ. Kemudian, terus kepada otak. Kesannya akal hilang pertimbangan dan orang yang terlibat dengannya tidak sedarkan diri (Temu bual, 2023). Beliau menyatakan:

“Fatwa alkohol *maqasid* yang pertama sekali menjaga diri *hifz al-nafs dan al-aql*. Memelihara *al-nafs* diri diletak nombor satu kerana kesan pengambilan etanol berlebihan bukan merosak akal saja, tetapi melihat juga ada proses”.

Kesimpulannya, *maqāṣid syarī‘ah* yang diambil kira dalam penentuan fatwa alkohol di dalam makanan dan minuman menyentuh kelima-lima *maṣlaḥah daruriyyat al-khams*. Pengkaji bersependapat meletakkan pemeliharaan diri dan nyawa sebagai penelitian utama adalah untuk memelihara nyawa terlebih dahulu berbanding yang lainnya. Ini kerana sekiranya sesuatu makanan atau minuman yang bahaya masuk ke dalam tubuh badan dan boleh menimbulkan kemudharatan bererti ia tidak selari dengan *maqasid hifz nafs*. Hal ini bertepatan kaedah asas yang menjadi keutamaan dalam sistem pemakanan dalam Islam iaitu konsep *halalan tayyiba*. Pemakanan halal lagi baik diklasifikasikan sebagai *maṣlaḥah daruriyyat al-khams*. Ia merujuk kepada pemeliharaan nyawa, tubuh badan, kesihatan fisiologi dan psikologi manusia, zuriat keturunan dan maruah, harta dan hak milik (Tumiran et al., 2020).

Maqāṣid syarī‘ah yang diambil kira dalam penentuan fatwa-fatwa alkohol adalah penjagaan diri, nyawa, dan masyarakat. Ia melibatkan penentuan had kadar yang dibenarkan untuk kegunaan industri makanan dan minuman. Ini kerana alkohol (etanol) tulen bersifat racun dan boleh membahayakan tubuh badan. Sekiranya etanol tulen diminum secara terus akan menyebabkan kematian. Ia bercanggah dengan *maṣlaḥat hifz al-nafs* kerana menimbulkan kerosakan dan kebinasaan. Firman Allah SWT:

﴿وَأَنفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ﴾

﴿١٩٥﴾

Terjemahan: “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

al-Baqarah (2):195

Allah SWT menurunkan ayat ini tentang orang Ansar ketika mereka disampaikan seruan untuk berjihad dan mengabdikan diri kepada ladang mereka. Menangguhkan seruan jihad dengan kekuatan bererti melemparkan diri ke dalam kebinasaan. Ayat ini berbentuk umum dan hukumnya berdasarkan pertimbangan dalam keumuman lafaz dan bukan berdasarkan sebab-

sebabnya yang khusus. Oleh itu, seseorang tidak boleh mencampakkan diri ke dalam kebinasaan, seperti mencampakkan diri dari tempat yang tinggi atau mengambil racun. Hendaklah menjauhkan diri daripada sebab-sebab kemusnahan kecuali dengan cara yang sah seperti jihad dan seumpamanya (Ibn Kathir, 2024).

2. *Hifz al-`Aql*, iaitu memelihara akal

Maqāṣid syarī'ah yang diambil kira dalam penentuan fatwa-fatwa alkohol adalah penjagaan akal. Hasil dapatan temu bual menunjukkan responden R2 Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed selaku Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) menyatakan pihak jabatan mufti mengambil kira *maṣlaḥat*, pandangan-pandangan pakar sains pemakanan dan syariah Fiqh kepenggunaan untuk mengeluarkan hukum atau fatwa. Misalnya, keputusan hukum penggunaan etanol untuk luaran adalah halal dan dibolehkan kerana tidak dikira najis dan terdapat manfaat. Manakala untuk dijadikan bahan minuman seperti dimasukkan dalam produk pewarna dibenarkan dalam kadar kuantiti yang sedikit dan tidak memberi kemudaratannya (Temu bual, 2023). Beliau menyatakan:

“Fatwa akan mengambil cakna dari sudut *maṣlaḥat* iaitu maslahat menjaga kelima-lima *maqasid* itu sendiri. Pihak jabatan mufti juga turut mengambil kira pandangan-pandangan pakar sains pemakanan dan syariah Fiqh kepenggunaan untuk mengeluarkan hukum ini”.

Kesimpulannya, *maqāṣid syarī'ah* diambil kira terhadap penentuan fatwa alkohol dalam makanan dan minuman adalah memelihara akal. Pihak jabatan mufti mengambil kira *maṣlaḥah* pandangan-pandangan pakar sains pemakanan dan syariah Fiqh kepenggunaan untuk mengeluarkan hukum atau fatwa. Etanol yang tidak digunakan dengan cara yang betul dan mengikut had kuantiti dibenarkan mengakibatkan berlaku ketidakwarasan fikiran dan mabuk. Perkara ini perlu dielakkan untuk menolak *mafsadah* (Azhar et al., 2017).

3. *Hifz al-Din*, memelihara agama

Maqāṣid syarī'ah yang diambil kira dalam penentuan fatwa-fatwa alkohol adalah penjagaan kesucian dan ketinggian agama. Hasil temu bual responden R2 dari PMWP menyatakan semua fatwa akan dilihat dari sudut *maṣlaḥah* iaitu *maqasid hifz al-din* termasuklah fatwa alkohol. *Maqāṣid syarī'ah* merupakan sumber sekunder manakala sumber premier adalah nas yang menjelaskan arak itu diharamkan dan tidak perlu pada fatwa. Sebab hukumnya haram secara *qat'ie*. Tetapi untuk etanol atau alkohol selain dari arak ia memerlukan fatwa yang haram untuk diminum (Temu bual, 2023). Beliau berkata:

“Penentuan fatwa alkohol akan diteliti dari sudut *maṣlahat* iaitu menjaga kelima-lima *maqasid* itu sendiri. *Maqāṣid syarī‘ah* merupakan sumber sekunder, maka pengambil kiraannya dalam penentuan fatwa sangat penting”.

Kesimpulannya, pengkaji bersependapat dengan responden R2 menyatakan penentuan fatwa alkohol mengambil kira *maqāṣid syarī‘ah* dari sudut penjagaan agama. Namun, berlaku perbezaan penyusunan keperluan *daruriyyat al-khams* tersebut. Penentuan fatwa alkohol melibatkan status alkohol yang diharamkan iaitu yang diproses untuk menghasilkan arak, status etanol industri yang diharuskan iaitu proses pembuatan etanol yang bukan bertujuan untuk arak tetapi kegunaan industri. Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya sentiasa mementingkan aspek halal dan baik dalam pemilihan makanan di samping suruhan mengambil sumber yang baik dan melarang memakan makanan yang haram (Al-Qaradawi & Daud, 2016). Konsep *halal tayyiba* berlandaskan firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ﴾
١٦٨

Terjemahan: “Wahai sekalian manusia, Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu”.

Surah al-Baqarah 2: 168

Seterusnya, penjagaan tuntutan agama juga meninggalkan larangan meminum arak dan sesuatu yang merosakkan. Antara dalil pengharaman arak ialah firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩١﴾ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩٢﴾﴾

Terjemahan: “Hai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya (meminum) *khamar*, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan. Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) *khamar* dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingat Allah SWT dan sembahyang; Maka berhentilah kamu daripada mengerjakan pekerjaan itu”.

Surah al-Maidah (5): 90-91

4. *Hifz al-Mal*, iaitu memelihara harta dan hak pemilikan harta

Maqāṣid syarī'ah yang diambil kira dalam penentuan fatwa-fatwa alkohol adalah penjagaan harta dan pemilikan harta. Hasil temu bual responden R3 Dr. Saadan Man, ahli akademik bidang fiqh kepenggunaan dari Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) berpandangan bahawa keperluan industri berdaya maju untuk menghasilkan produk yang berkualiti. Tetapi, kadar piawaian penggunaan etanol asalnya 0.01% sudah tidak relevan kerana terlalu sedikit dan boleh menyebabkan kualiti minuman terjejas. Ia akan mengakibatkan pengeluaran produk turut terjejas dan tidak berdaya maju untuk sesebuah *production* bagi sesuatu produk.

Justeru, kadar piawaian penggunaan etanol perlu ditingkatkan kepada 1% untuk menjamin keperluan industri tersebut. Hukum berkaitan alkohol diputuskan secara *ijtihād maqasidi* iaitu menambil kira *maṣlahah hifz mal* iaitu penjagaan harta atau produk yang dihasilkan agar benar-benar berkualiti, selamat dan boleh dipasarkan (Temu bual, 2023).

Responden menyatakan:

“Hukum berkaitan alkohol akan mengambil kira *maqāṣid syarī'ah* yang disebut sebagai *al-ijtihād al-maqasidi*. Jadi maknanya semua ijtiḥād yang dihasilkan itu mestilah melihat kepada elemen-elemen maqasid yang perlu diterapkan dalam fatwa tersebut”.

Kesimpulannya, penentuan fatwa alkohol di Malaysia menitik beratkan *maqāṣid syarī'ah* berkaitan *maṣlahah* kegunaan etanol bagi menjaga kualiti halal dan selamat produk makanan dan minuman juga terkait dengan menjaga harta. Hal yang demikian adalah untuk mengelak berlaku kerugian dan pembaziran produk industri sekiranya tidak menggunakan etanol dalam proses pembuatan produk makanan dan minuman atau bahan gunaan lain atau kadar yang tidak mencukupi untuk daya tahan makanan dan minuman. Sekiranya berlaku, pihak industri akan menanggung kerugian disebabkan produk dihasilkan tidak bermutu tinggi, kualiti tidak mencapai standard dan makanan dan minuman tidak tahan lama (Omar & Hussin, 2020).

5. *Hifz al-Muruah*, iaitu memelihara maruah dan keturunan

Hasil dapatan kajian menunjukkan responden R4 Muhammad Khidhir Abdul Ghani selaku Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNP) berpendapat penentuan fatwa alkohol di Malaysia menitikberatkan *maqāṣid syarī'ah* seperti di peringkat JAKIM setelah meneliti hasil kajian yang dilakukan dengan terperinci. Keputusan hukum kadar

alkohol dibenarkan tidak melebihi aras 1% bagi minuman ringan dan 0.5 % bagi bahan perisa dan pewarna. Ia mengambil kira sudut *sadd zara'i* dan *ihdiyyat* (Temu bual, 2023). Beliau menyatakan:


“Justifikasinya, penentuan fatwa alkohol di Malaysia menitik berat *maqāṣid syarī'ah* setelah meneliti kajian yang dilakukan dengan terperinci. Keputusan kuantiti kadar alkohol diambil kira dari sudut *sadd zara'i* dan sudut *ihdiyyat*”.

Kesimpulannya, penetapan fatwa berkenaan alkohol berlaku beberapa kali perubahan dengan menitik berat *maqāṣid syarī'ah*. Pihak berautoriti wajar mengambil kira perubahan dan keperluan semasa setelah meneliti kajian yang dilakukan dengan terperinci dalam mengeluarkan sesuatu keputusan hukum. Perbezaan masa, *'uruf* dan keadaan antara aspek yang membawa kepada perubahan sesuatu hukum. Ini selari dengan kaedah fiqh:

لا ينكر تغيير الأحكام بتغيير الأزمان

Maksud kaedah: *Tidak diingkari berlakunya perubahan hukum disebabkan perubahan masa* (al-Suyuti, 2013).

Hal ini bertujuan memelihara salah satu *daruriyyat al-khams* iaitu memelihara maruah sesebuah negara. Seiring dengan keperluan alkohol dalam pelbagai industri, penetapan fatwa alkohol yang bersifat nasional perlu ditetapkan. Hal ini juga turut diterapkan dalam penentuan keputusan hukum atau fatwa alkohol di Malaysia. Secara holistik daripada perbahasan di atas, pengkaji merumuskan *Maqāṣid syarī'ah* Dalam Penentuan Fatwa-Fatwa Alkohol di Malaysia melalui rajah 2 di bawah:



Rajah 2 Rumusan Maqāṣid syarī'ah Dalam Penentuan Fatwa-Fatwa Alkohol

Sumber: Olahan pengkaji, 2024

Rajah 2 menunjukkan ringkasan *Maqāṣid syarī'ah* dalam Penentuan Fatwa-Fatwa Alkohol di Malaysia yang terdiri daripada asas kepada *maqāṣid syarī'ah* iaitu melestarikan *maṣlahah* (kemaslahatan/kebaikan) dan menolak mafsadah (kemudharatan). Di samping itu, pihak berautoriti turut menilai *maṣlahah daruriyyat*, *maqasid hājiyyāt* dan *taḥsīnīyyāt*. Selain itu, penentuan fatwa alkohol menitik berat dan mengambil cakna prinsip *Daruriyyah al-khams/kulliyat al-khams* iaitu *hifz al-nafs*, iaitu memelihara nyawa dan keselamatan diri, *hifz al-'aql*, iaitu memelihara akal, *hifz al-din* iaitu memelihara agama, *hifz al-mal*, iaitu memelihara harta dan hak pemilikan harta, *hifz al-muruah*, iaitu memelihara maruah.

KESIMPULAN


Ironinya, melalui penelitian dan hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati fatwa berkaitan alkohol diputuskan melalui institusi fatwa di Malaysia oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dan MJFMKI. Rumusannya, *maqāṣid syarī'ah* diambil kira dalam penentuan fatwa alkohol dalam makanan dan minuman, wangi-wangian, ubat-ubatan.

Analisis *maqāṣid syarī'ah* dalam penentuan fatwa-fatwa alkohol dikelompokkan kepada lima perkara *Daruriyyah al-khams* iaitu melestarikan kemaslahatan dan menolak kemudharatan, *hifz al-nafs*, iaitu memelihara nyawa dan keselamatan diri, *hifz al-'aql*, iaitu memelihara akal, *hifz al-din* iaitu memelihara agama, *hifz al-mal*, iaitu memelihara harta dan hak pemilikan harta, *hifz al-muruah*, iaitu memelihara maruah, *maqasid khassah* dan *juz' iyyah*, *maṣlahah daruriyyat*, *maqasid hājiyyāt* dan *taḥsīnīyyāt*.

Antara justifikasi penentuan fatwa berkaitan alkohol mengambil kira *maqasid syariah* adalah sepertimana berikut:

1. Pendekatan penentuan hukum melalui nas dan *maqasidi*
2. Kepentingan *maqāṣid syarī'ah* menjadikan fatwa lebih tepat, fleksibel dan mudah diterima komuniti dan pihak industri
3. Kepentingan penentuan hukum demi kelestarian kemaslahatan dan menolak kemudharatan
4. Aplikasi *maqāṣid syarī'ah* dalam ijtihad Imam Syafi'e terhadap isu pemakanan halal dan kaedah tidaklah kaku bahkan mementingkan keseimbangan antara nas, akal dan *waqi'*
5. Setiap hukum diputuskan mempertimbangkan keperluan dan kepentingan ummah sejagat.

Seterusnya, hubungan persamaan dan hubung kait antara *maqāṣid syarī'ah* makanan halal dan fatwa berkaitan alkohol dapat dirumuskan dalam rajah 3 di bawah:



Rajah 3: Hubungan antara *maqāṣid syarī'ah* makanan halal dan fatwa berkaitan alkohol

Sumber: Olahan pengkaji, 2024

Rajah 3 menunjukkan ringkasan hubungan persamaan dan hubung kait antara *maqāṣid syarī'ah* makanan halal dan fatwa berkaitan alkohol dalam makanan dan minuman. Justeru, *maqāṣid syarī'ah* bagi kedua-duanya berkisarkan *Daruriyyah al-khams* atau *kulliyat al-khams* iaitu *hifz al-nafs*, iaitu memelihara nyawa dan keselamatan diri, *hifz al-aql*, iaitu memelihara akal, *hifz al-din* iaitu memelihara agama, *hifz al-mal*, iaitu memelihara harta dan hak pemilikan harta, *hifz al-muruah*, iaitu memelihara maruah. Oleh yang demikian, *Maqāṣid syarī'ah* dalam penentuan fatwa berkaitan alkohol dalam pemakanan di Malaysia dapat memacu melestarikan *maslahah* (kemaslahatan atau kebaikan) dan menolak *mafsadah* (kemudarat) demi kepentingan pengguna Islam.

Kajian ini signifikan kepada pihak institusi fatwa supaya terus mengambil kira *maqāṣid syarī'ah* dalam penentuan hukum. Keputusan hukum atau fatwa diputuskan sama ada diwartakan atau tidak tetap menitik beratkan elemen *maqāṣid syarī'ah*. Selain itu, ia menjadi signifikan kepada pihak universiti, mahasiswa, penyelidik dan komuniti supaya dapat kefahaman yang jelas bagaimana *maqāṣid syarī'ah* diterapkan dalam proses pengeluaran sesuatu fatwa atau keputusan hukum yang diaplikasikan oleh institusi fatwa di Malaysia. Akhir sekali, pengkaji mencadangkan

kajian *maqāṣid syarī'ah* dapat diperluaskan lagi dalam bidang kefatwaan dan Fiqh kepenggunaan khususnya berkaitan halal dan haram di Malaysia daripada pelbagai industri seperti bahan gunaan, farmasi, kosmetik dan lain-lain.

PENGHARGAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada pihak MAIPs atas tajaan dana penyelidikan ini melalui Biasiswa Pengajian Tinggi MAIPs (BPTM) serta Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) terus menyokong kerja penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Ab. Majid, M. Z. (2012). *Maqasid al-Shariah: Satu Pengenalan*. Dalam *Maqasid al-Shari'ah*. Selangor: Penerbit UIAM, h. 37.
- Ahmad, R. (2018). Penggunaan Pisau Mekanikal dalam Industri Sembelihan Ayam Halal: Analisis Menurut Perspektif Maqasid al-Shariah. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Al-Qaradhawi, Y., & Daud, M. H. (2016). *Halal Dan Haram Dalam Islam*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Al-Raysuni, A. (2013). *Nazariyyah al-Maqasid 'ind al-Imam al-Shatibi*, cet ke 2. Misr: Dar al-kalimah lil sharwa al-Tawzi'.
- Al-Suyuti, J.A.R. (2013). *al- 'Ashbah wa al-Naza 'ir fi Qawa'id wa furu' fiqh al-Syafi'iyyah*. Mesir: Dar al-Hadis.
- Al-Zuhayli, W. (2007). *Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*. Jil. 5. Damsyiq: Dar al-Makta, 5:479.
- Aris, N. M., Rameli, M. F. P., Mohamed, N., & Nordin, B. (2020). Kepentingan Makanan Dalam Menjamin Hifz Al-Nafs (The Important of Food To Ensure Hifz Al-Nafs). *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 13(2).
- Asni, F. (2021). The Role of Mura'ah al-Khilaf Epistemology in the Standardisation of Fatwa: An Analysis at the Perlis State Mufti Department. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(10), 144-156.

- Asni, F., Ramle, M. R., Noor, A. M., & Hasbulah, M. H. 1 (June 2022). Peranan Kaedah Mura 'Ah Al-Khilaf Terhadap Penyeragaman Fatwa Di Jabatan Mufti Negeri Perlis. *Jurnal Jamalullail*, 1(2), 23-45.
- Azhar, A., Hussain, M. A., Md Nor, M. Z., & Othman, M. K. (2017). Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah: Satu Tinjauan [Fatawa Research In The Framework Of The Maqasid Al-Sharia: An Overview]. *Ulum Islamiyyah*.
- Bahari, N. B. (2020, 24 & 25 November). *Pemakaian Elemen Maqasid Shariah Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia*. Dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5. Diambil daripada <http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/>
- Bhari, A. (2016). *Analisis Fatwa Zakat di Malaysia dari Perspektif Maqasid syariah* (Doctoral dissertation, Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ibn Ashur, M.T. (2011). *Maqasid al-shari'ah al-Islamiyyah*. 'Amman: dar al-Nafais.
- JAKIM. (2011). *Alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan*. Di ambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10281>
- Jamaludin, M. A., Ramli, M. A., & Mat, D. (2014). Isu Penggunaan Alkohol Dalam Penghasilan Produk Gunaan Semasa: Analisis dari Perspektif Hukum Islam. In *Islamic Law in Contemporary Community Conference* (pp. 1-12).
- Majlis Fatwa Kebangsaan. (2022). *Koleksi Fatwa Berkaitan Alkohol Dalam Makanan Dll*. Di ambil daripada <http://www.al-ahkam.net>
- Muda, T.S.T. & Ahmad, R. (2016) *Halal haram makanan menurut Imam Syafi'i: Analisis dari perspektif Maqasid al-Shari'ah*. In: The 1st International Conference on Islam and Contemporary Issues in The Muslim World: Challenges and Way Forward, 5-6 December 2016, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Omar, S. N. A. C., & Hussin, M. N. M. (2020). Pemakaian Kaedah-Kaedah Fekah Dalam Institusi Fatwa Di Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2010-2014: The Application of Legal Maxims in Fatwa Institutions in Federal Territory From 2010-2014. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(2), 55-85

- Ramli, A., Mokhtar, M., Aziz, B. A., & Muda, T. S. T. (2016). Pembangunan Industri Halal: Konsep *Halalan-Toyyiban* dan Pengurusan Keselamatan Industri dalam Kerangka Maqasid al-Shariah. *Ulum Islamiyyah*
- Ramli, A., Mokhtar, M., Aziz, B. A., & Muda, T. S. T. (2016). Pembangunan Industri Halal: Konsep *Halalan-Toyyiban* dan Pengurusan Keselamatan Industri dalam Kerangka Maqasid al-Shariah. *Ulum Islamiyyah*.
- Rizqi, I. N. (2021). Maqashid Syari'ah Perspektif Imam Haramain al-Juwayni. *El-Faqih: Jurnal Pemikiran dan Hukum Islam*, 7(2), 111-123.
- Roslan, M. M. B., Islam, F. P., Shah, U. S. A., & Suhaimi, M. A. H. B. M. (2021). Teori Ijtihad Maqasidi Dalam Pengeluaran Fatwa: Analisis *Al-Dharuriyyat Al-Khams* Ijtihad *Maqasidi* Theory in Issuing Fatwa: Analysis of *Al-Dharuriyyat Al-Khams*.
- Tafsir Ibn Kathir. (2024). *Surah al-Baqarah ayat 195*. Diambil daripada <https://quran.com/2:195/tafsirs/en-tafsir-ibn-kathir>
- Takhim, M., & Mashudi, M. (2018). Maqasid Syariah Makanan Halal. *Al-Mabsut: Jurnal Studi Islam dan Sosial*, 12(1), 19-36.
- Tuan Sidek, T. M. (2019). *Pemakaian fiqh al-Shafi'i dalam isu-isu makanan halal di Malaysia: Analisis dari perspektif Maqasid al-Shariah*/Tuan Sidek Tuan Muda (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Tumiran, M.A, Daud, M.Z. & Zarmani, N.F. (2020). *Maqāṣid syarī'ah* dan Pemakanan Halal: Konsep Pencegahan Pertumbuhan Bakteria sebagai Mudarat Biologi. Dalam: Riswadi Azmi, Nor Hazmin Sabri, Rodiah Mustafa & Ahmad Mustaffa Mohamad (Eds.). *Ulul Albab: Menyingkap Keajaiban Islam*. Penerbit UMT.
- Yusli, A. Y., Asni, F., & Umar, B. A. I. (2021). The Role of Fiqh Method in Strengthening Fatwa Related to Vaccine Injection for Prevent Covid-19 by Perlis State Mufti. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 1439-1449.